

SEMARAK PATRIOTISME DI KALANGAN BELIA PERAK : SATU TINJAUAN

¹AHMAD ZAHARUDDIN SANI AHMAD SABRI, ²ABDUL RAHMAN ABDUL AZIZ,
³FATINAH MANGSOR

^{1,2,3} *Universiti Utara Malaysia, zaharsani@uum.edu.my*

Abstrak

Patriotisme didefinisikan sebagai sifat cintakan tanah air oleh individu atau kumpulan. Hal ini menyebabkan semangat patriotisme yang harus diterapkan di kalangan belia merupakan perkara yang perlu diambil serius dalam membentuk jati diri pembinaan sebuah negara bangsa seperti mana yang digarapkan dalam Wawasan 2020. Kini, belia merupakan tonggak utama dan merupakan pewaris kepimpinan pada masa depan yang akan meneruskan kesinambungan pembangunan negara. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneliti dan mengupas tahap semangat patriotisme dalam kalangan belia masa kini di negeri Perak. Kajian ini merupakan penyelidikan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen dengan melibatkan 10 buah daerah di negeri Perak. Seramai 911 orang responden telah memberi maklumbalas dan menunjukkan daripada 1,500 soalan soal selidik yang telah diedarkan. Pemilihan sampel dalam penyelidikan ini dilakukan secara rawak berstratifikasi. Data penyelidikan ini dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk mengenal tahap semangat patriotisme terhadap negara dalam kalangan belia di negeri Perak. Bagi membantu penganalisan data, perisian IBM SPSS 2.0 digunakan. Oleh itu, penyelidikan ini mendapati bahawa semangat patriotisme di kalangan belia negeri Perak adalah memberangsangkan. Justeru, patriotisme di kalangan belia harus terus dipupuk bagi menyemarakkan lagi semangat patriotisme dalam kalangan belia yang merupakan aset penting bagi memastikan kelestarian pembangunan dan pencapaian aspirasi negara.

Katakunci: belia, daerah-daerah di Perak, Perak, penyelidikan kuantitatif, semangat patriotisme, Malaysia

Pengenalan

Patriotisme seringkali dikaitkan dengan cintakan watan yang merupakan satu semangat atau nilai yang perlu dihayati oleh segenap lapisan masyarakat khususnya generasi muda. Maka, nilai-nilai patriotisme yang merupakan sebahagian daripada nilai-nilai murni, sekiranya dapat dijiwai dan diamalkan sebaik mungkin, akan dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia.

Pada era modenasi, belia merupakan aset terpenting negara dan merupakan pewaris kepimpinan pada masa depan yang akan meneruskan kesinambungan pembangunan Negara (Portal Majlis Gabungan Belia Melaka, 2012). Ia juga amat penting bagi belia untuk mempunyai perasaan persaingan dan semangat yang tinggi untuk mencintai negara mereka supaya generasi negara akan datang terdiri daripada generasi yang mempunyai semangat untuk memajukan negara. Malangnya, pada masa ini ramai generasi muda mempunyai semangat patriotik yang sangat rendah dalam dirinya (Abdul Rahim, 1999). Ini merupakan satu perkara biasa dalam kalangan generasi muda yang dilahirkan selepas kemerdekaan. Kesedaran patriotik mereka semakin berkurangan dari masa ke masa dan ia telah menjadi satu keperluan untuk menjalankan penyelidikan untuk mengetahui tahap patriotisme. Mereka sekadar mengetahui takrif patriotik kerana mudah ditemui dan difahami dari akhbar dan iklan di media elektronik.

Menurut Saifuddin (2002), generasi muda hari ini hendaklah sentiasa memupuk semangat setia dan patriotisme dan tidak melakukan sesuatu yang boleh merugikan bangsa dan negara. Sikap berpuak-puak dan bermusuhan sesama sendiri akan menghancurkan semangat patriotisme. Oleh itu, mereka perlu mengamalkan falsafah hidup yang tidak mengutamakan kepentingan diri semata-mata, kepentingan negara hendaklah diambil kira bersama kerana kepentingan negara akan membawa kebaikan yang lebih baik kepada diri sendiri.

Ulasan Karya

Dasar Pembangunan Belia Negara

Memperakui peranan besar golongan belia dalam mengisi wawasan negara dan menyedari hakikat perlunya agenda pembangunan belia dirancang secara bersepadu lagi menyeluruh berdasarkan kepada keperluan dan permasalahan yang wujud mengikut lapangan pembangunan belia secara khusus, kerajaan menerusi KBS telah memperkenalkan Dasar Pembangunan Belia Negara pada tahun 1985 sebelum dikemaskinikan pada tahun 1997 (Portal Kementerian Belia dan Sukan, 2014).

Dasar ini adalah sangat penting kerana menjadi dokumen pertama secara rasminya memberi takrifan belia di Malaysia. Menurut dasar ini belia adalah meraka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Dasar ini juga menggariskan matlamat pembangunan belia yang lebih berfokus dan jelas (Portal Majlis Gabungan Belia Melaka, 2012).

Menurut kenyataan Dasar Pembangunan Belia, matlamat utama pembangunan belia ialah untuk:

“Mewujudkan belia Malaysia yang memiliki peribadi yang bersepadu dari segi rohaniah, akhliah dan jasmaniah, bertanggungjawab, berdikari bersemangat sukarela dan patriotik, serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara selaras dengan Wawasan 2020”.

(Portal Kementrian Belia dan Sukan, 2014)

Bagi mencapai matlamat tersebut Dasar Pembangunan Belia Negara 1997 telah menggariskan 7 strategi yang perlu dilaksanakan iaitu:

- i. Pembangunan Ilmu
- ii. Pembentukan Sikap
- iii. Pembangunan Kemahiran dan Keusahawanan
- iv. Pemupukan Gaya Hidup Sihat
- v. Kemudahan Interaksi Sosial
- vi. Perkongsian dan Pembangunan
- vii. Jaringan Hubungan Antarabangsa

Pembangunan belia

Berdasarkan ucapan Y.B. Dato' Ismail Sabri Yaakob (2008), mantan Menteri Belia Dan Sukan Malaysia, menyatakan bahawa pembangunan belia adalah satu isu yang penting dalam pembangunan negara. Kalau dahulu, pembangunan belia ini dianggap sebagai satu isu yang mudah dan kurang mendapat perhatian, namun sejak kerajaan diambil alih oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, sebagai Perdana Menteri, perhatian besar diberikan kepada golongan muda.

Pada hakikatnya, unsur-unsur penting dalam pembangunan belia boleh dirumuskan seperti yang dinyatakan oleh Azimi dan Zanariah, 2007:

- i. Menyediakan belia dengan persekitaran yang selamat dan penuh sokongan
- ii. Merapatkan hubungan antara belia dan orang dewasa yang prihatin dengan menjadi mentor kepada mereka
- iii. Memberi peluang kepada belia untuk merealisasikan minat mereka dengan memberi tumpuan kepada kekuatan yang ada pada mereka
- iv. Membantu belia dalam pembangunan pengetahuan dan kemahiran melalui pelbagai cara
- v. Melibatkan belia sebagai rakan kongsi dan pemimpin yang aktif untuk memajukan masyarakatnya
- vi. Menyediakan belia dengan kemudahan untuk menunjukkan rasa keprihatinan mereka terhadap orang lain dan ahli masyarakatnya
- vii. Menggalakkan gaya hidup sihat dan pola interaksi sosial yang positif
- viii. Menyediakan jaringan keselamatan untuk digunakan apabila perlu

Dalam suatu Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara, satu pelan tindakan telah diluluskan. Pelan Tindakan Pembangunan Belia yang antara lainnya mencadangkan penubuhan sebuah institut penyelidikan untuk mengkaji isu-isu yang berkaitan dengan belia. Sehubungan dengan itu, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) telah ditubuh dan dirasmikan pada 15 Mei 2005 (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2010).

Sehingga kini, pembuat dasar, pelaksana, penyelidik dan pemimpin belia terus berusaha melakukan sesuatu untuk memastikan mereka mendapat hasil yang sesuai daripada usaha pembangunan yang mereka usahakan. Usaha pembangunan belia tidak boleh dijalankan secara “tangkap muat” sahaja. Pembangunan belia mesti mengikut selera dan minat individu atau kelompok tertentu serta ia juga tidak boleh dijalankan dalam konteks yang terasing daripada ekologi belia, rakan sebaya dan keluarga yang di mana ia merupakan tempat mereka tinggal serta berinteraksi (Azizan, 1995).

Justeru, masyarakat dan institusi perlu memberikan peluang untuk golongan belia membangun dalam perkara-perkara penting seperti kemahiran, keyakinan, keperibadian dan sebagainya sebagai memperkasakan modal sumber manusianya.

Program pembangunan belia

Program pembangunan belia seperti latihan kepemimpinan dan kemahiran serta kemahiran keusahawanan telah dilaksanakan oleh pelbagai kementerian bersama persatuan belia dengan kerjasama sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) (Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000).

Pembangunan belia akan menjadi lebih kompleks dan memerlukan suntikan profesionalisme dalam usaha menguruskannya (Nur Fatimah, 2009). Isu-isu pembangunan belia semakin kompleks kerana ia perlu menangani pelbagai isu daripada isu pembangunan sendiri individu belia, pengangguran dan pengisian masa lapang, sehinggalah kepada isu alam sekitar dan globalisasi yang akan melibatkan golongan belia. Peningkatan profesionalisme dalam kalangan penggerak pembangunan belia mestilah berlaku. Setiap penggerak terbabit harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran tertentu yang khusus untuk memastikan mereka berkesan untuk merancang, melaksana dan menilai program yang disasarkan kepada golongan belia.

Tindakan ini harus dilakukan kerana dahulu pelaburan modal insan belia tertumpu kepada usaha untuk meningkatkan kemahiran asas untuk membolehkan belia mendapat pekerjaan

dan beroleh pendapatan (Baharom & Mohamad Johdi, 2009). Kini cabaran pembangunan modal insan belia bukan sahaja mengenai latihan dan pekerjaan dan pendapatan bahkan negara memerlukan modal insan yang berintegriti, memiliki identiti diri, berdaya saing dalam persaingan global dan juga setia kepada negara.

Maka untuk membolehkan kita menangani perubahan bagi mencapai wawasan ini pelaburan dalam modal insan dalam kalangan mereka yang berkerja dengan generasi muda perlu diberikan perhatian sepenuhnya.

Metodologi

Reka bentuk kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, penyelidik telah menggunakan kaedah analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi.

Kaedah analisis statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis mengenai kekerapan dan peratusan responden yang melibatkan pengujian ke atas faktor demografi. Kaedah analisis statistik inferensi pula digunakan adalah untuk membuat ujian ke atas hipotesis yang dibina. Antara analisis statistik inferensi yang telah digunakan oleh penyelidik seperti ujian-t, ujian ANOVA sehala, ujian korelasi dan sebagainya. Ujian-t dan ujian ANOVA sehala digunakan untuk melihat perbezaan di antara pembolehubah. Justeru, ujian korelasi telah digunakan untuk melihat hubungan atau perkaitan di antara pembolehubah. Analisis- analisis ini bertujuan bagi memudahkan penyelidik menguji hipotesis atau pembolehubah yang dibina.

Lokasi, populasi dan sampel kajian

Kajian ini telah dijalankan di negeri Perak yang melibatkan 10 daerah iaitu daerah Kampar, Kinta, Hilir Perak, Perak Tengah, Batang Padang, Kuala Kangsar, Larut Matang dan Selama, Kerian, Manjung dan Hulu Perak (Jabatan Kerja Raya Perak Tengah, 2014). Responden dalam kalangan belia di sekitar daerah negeri Perak yang terdiri daripada pelbagai latar

belakang. Populasi kajian ialah yang terdiri daripada golongan belia di 10 daerah negeri Perak.

Sampel kajian yang diambil ialah seramai 1,500 orang yang dipilih oleh penyelidik untuk menjawab borang soal selidik. Sampel dipilih mengikut pensampelan secara rawak berstratifikasi.

Lokasi, populasi dan sampel kajian

Penyelidik telah mengedar borang soal selidik kepada golongan belia di semua daerah negeri Perak. Masa yang diambil oleh penyelidik adalah selama sebulan untuk mendapatkan semula pulangan borang soal selidik tersebut yang telah lengkap diisi oleh responden. Penyelidik juga telah mengedar sebanyak 1,500 borang soal selidik dan telah mendapat pulangan sebanyak 911 borang soal selidik sahaja yang telah lengkap diisi oleh responden. Ini bermakna sebanyak 589 soal selidik yang terdiri daripada tidak boleh digunapakai kerana rosak dan ditambah dengan yang tidak memulangkan semula borang soal selidik yang telah diedarkan kepada mereka. Jenis soalan yang ditanya dalam borang soal selidik ini terdiri daripada soalan-soalan terbuka di mana responden boleh menjawab mengikut pilihan jawapan mereka yang disediakan.



Sumber: Peta Daerah Perak, Jabatan Kerja Raya Daerah Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan

Rajah 1. *Kawasan kajian*

Instrumen kajian

Soal selidik ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian A terdiri daripada 11 soalan. Bahagian ini mengandungi soalan berkaitan dengan maklumat diri responden (ciri demografi) yang terdiri daripada kategori jantina, umur, bangsa, agama, kawasan kediaman, sekolah rendah, sekolah menengah, pekerjaan, tahap pendidikan, pendapatan dan daerah.

Bahagian B pula berkaitan dengan soalan-soalan yang dikemukakan untuk mengukur sejauh mana semangat patriotisme terhadap negara. Contoh soalan yang berkaitan ialah “*saya*

bersedia berbakti kepada negara”. Bahagian ini dibahagikan dengan cara pemarkatan yang berbeza iaitu menggunakan empat skala Likert yang mewakili: 1. Sangat tidak setuju; 2. Tidak setuju; 3. Setuju; dan 4. Sangat setuju.

Kajian rintis

Selepas borang soal selidik dikutip, penyelidik telah menguji kebolehpercayaan dengan menganalisis data dan maklumat yang diperoleh daripada responden melalui borang soal selidik yang diedar. Analisis telah diuji dengan menggunakan pakej perisian SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) versi 20.0. Ujian Cronbach’s Alpha telah digunakan bagi mengukur kebolehpercayaan (reliabiliti) dan kesahan (validiti) instrumen dalam soal selidik. Item yang diukur iaitu pembolehubah bersandar dan semua pembolehubah tidak bersandar supaya kebolehpercayaan terhadap soal selidik dapat diperoleh. Secara ringkasnya, nilai kebolehpercayaan (Cronbach’s Alpha) bagi semua pembolehubah dalam kajian rintis yang dilakukan oleh penyelidik adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1. di bawah.

Jadual 1. Nilai keboleh percayaan pembolehubah-pembolehubah

Pembolehubah	Nilai CronbachAlpha
Pengetahuan politik	0.681
Semangat patriotisme terhadap negara	0.774

Sumber: Mohd Majid Konting (1990)

Penganalisan data

Kaedah statistik deskriptif merupakan analisis yang digunakan bagi memerihalkan sesuatu keadaan. Ia digunakan kerana dapat memberikan perihalan secara ringkas bagi keseluruhan data. Penganalisan yang dilakukan terhadap ciri-ciri demografi responden iaitu antaranya mewakili jantina, umur, bangsa, agama, kawasan kediaman, sekolah rendah, sekolah menengah, pekerjaan, tahap pendidikan, pendapatan dan daerah. Data yang diperoleh dipersembahkan dalam bentuk deskriptif frekuensi atau kekerapan. Data yang diperoleh

daripada soal selidik dimasukkan ke dalam perisian SPSS mengikut kod-kod angka yang telah ditetapkan.

Secara keseluruhannya, objektif kajian ini adalah untuk melihat sejauh manakah persepsi terhadap semangat patriotik dalam kalangan belia di negeri Perak. Oleh itu, penyelidik juga mencadangkan kajian seterusnya dijalankan ke atas pembolehubah-pembolehubah yang mempunyai hubungan yang signifikan dan mengkaji ke atas pembolehubah lain yang berpotensi untuk menghasilkan maklumat yang lebih mendalam bagi mengetahui hubungkait tahap semangat patriotisme di kalangan belia negeri Perak.

Analisis Kajian Dan Perbincangan

Analisis taburan responden


Bahagian ini akan menghuraikan mengenai latar belakang responden atau ciri demografi yang dipilih berdasarkan jantina, umur, bangsa, pekerjaan, tahap pendidikan dan daerah.

a. Jantina responden

Jumlah soal selidik yang boleh dianalisa adalah seramai 911 orang responden yang terdiri daripada 351 orang responden lelaki manakala, responden perempuan pula seramai 560 orang. Taburan responden mengikut jantina ditunjukkan dalam Jadual 2. di bawah.

Jadual 2. Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus	Peratus Terkumpul
Lelaki	351	38.5	38.5
Perempuan	560	61.5	100
Jumlah	911	100	




Rajah 2. Carta pai taburan responden mengikut jantina

b. Umur responden

Bagi kategori umur pula, seramai 702 orang responden atau 77.1 peratus adalah berusia 16 tahun hingga 20 tahun. Bagi responden yang berumur 21 tahun hingga 25 tahun adalah seramai 117 orang atau sebanyak 12.8 peratus. Responden yang berumur 26 tahun hingga 30 tahun adalah seramai 42 orang atau mewakili 4.6 peratus manakala, responden yang berumur 31 tahun hingga 35 tahun adalah seramai 29 orang atau 3.2 peratus. Umur yang terakhir adalah 36 tahun hingga 40 tahun adalah seramai 21 orang mewakili 2.3 peratus. Taburan responden mengikut umur ditunjukkan dalam Jadual 3. di bawah.

Jadual 3. Taburan responden mengikut umur

Umur	Frekuensi	Peratus	Peratus Berkumpul
16 tahun - 20 tahun	702	77.1	77.1
21 tahun - 25 tahun	117	12.8	89.9
26 tahun - 30 tahun	42	4.6	94.5
31 tahun - 35 tahun	29	3.2	97.7
36 tahun - 40 tahun	21	2.3	100
Jumlah	911	100	




Rajah 3. Carta pai taburan responden mengikut umur

c. Keturunan responden

Bagi kategori keturunan responden, terdapat 4 kategori yang dipilih oleh penyelidik iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Responden berketurunan Melayu ialah seramai 849 orang atau 93.2 peratus manakala, keturunan Cina mewakili seramai 32 orang atau 3.5 peratus, keturunan India mewakili 21 orang atau 2.3 peratus dan responden bagi lain-lain keturunan hanya 9 orang sahaja atau 1.0 peratus. Jadual 4. di bawah menunjukkan kategori keturunan responden.

Jadual 4. Taburan responden mengikut keturunan

Keturunan	Frekuensi	Peratus	Peratus Terkumpul
Melayu	849	93.2	93.2
Cina	32	3.5	96.7
India	21	2.3	99.9
Lain-lain	9	1.0	100
Jumlah	911	100	




Rajah 4. Carta pai taburan responden mengikut keturunan

d. Tahap pendidikan responden

Kategori pendidikan adalah terdiri daripada tahap PhD, Sarjana, Ijazah, Diploma, Sijil, STPM, SPM, PMR, Darjah Enam dan lain-lain. Hanya 16 orang atau 1.8 peratus responden yang mempunyai pendidikan tahap Sarjana (Master). Sebanyak 127 orang responden atau 13.9 peratus mempunyai pendidikan tahap Ijazah manakala, responden yang mempunyai pendidikan tahap Diploma adalah seramai 118 orang atau 13.0 peratus. Bagi pendidikan tahap Sijil pula ialah seramai 41 orang atau 4.5 peratus. Bilangan responden yang paling tinggi ialah pendidikan tahap SPM iaitu seramai 461 orang atau 50.6 peratus. Pendidikan tahap STPM ialah 45 orang atau 4.9 peratus manakala, pendidikan tahap PMR ialah seramai 43 orang atau 4.7 peratus dan pendidikan tahap Darjah Enam hanya 5 orang atau 0.5 peratus. Pendidikan kategori lain-lain pula seramai 55 orang responden mewakili 6.0 peratus. Taburan responden mengikut taraf pendidikan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5. di bawah.

Jadual 5. Taburan responden mengikut tahap pendidikan

Tahap Pendidikan	Frekuensi	Peratus	Peratus Terkumpul
Sarjana	16	1.8	94.0
Ijazah	127	13.9	92.2
Diploma	118	13.0	78.3
Sijil	41	4.5	65.3
STPM	45	4.9	60.8
SPM	461	50.6	55.9
PMR	43	4.7	5.3
Darjah Enam	5	0.5	0.5
Lain-lain	55	6.0	100
Jumlah	911	100	




Rajah 5. Carta pai taburan responden mengikut tahap pendidikan

e. Daerah responden

Kategori daerah yang dipilih adalah Kampar, Kinta, Hilir Perak, Perak Tengah, Batang Padang, Kuala Kangsar, Larut Matang, Selama, Kerian, Manjung dan Hulu Perak. Daerah Kampar ialah seramai 76 orang, daerah Kinta seramai 171 orang, daerah Hilir Perak seramai 73 orang, daerah Perak Tengah seramai 80 orang dan daerah Batang Padang seramai 62 orang. Bagi daerah Kuala Kangsar ialah seramai 102 orang, daerah Larut Matang dan Selama seramai 116 orang, daerah Kerian seramai 83 orang dan daerah Manjung seramai 82 orang serta daerah Hulu Perak seramai 66 orang. Taburan responden mengikut daerah adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6. di bawah.

Jadual 6. Taburan responden mengikut daerah

Daerah	Frekuensi	Peratus	Peratus Terkumpul
Kampar	76	8.3	8.3
Kinta	171	18.8	27.1
Hilir Perak	73	8.0	35.1
Perak Tengah	80	8.8	43.9
Batang Padang	62	6.8	50.7
Kuala Kangsar	102	11.2	61.9
Larut Matang dan Selama	116	12.7	74.6
Kerian	83	9.1	83.8
Manjung	82	9.0	92.8
Hulu Perak	66	7.2	100
Jumlah	911	100	



Rajah 6. Carta pai taburan responden mengikut daerah

f. Pekerjaan responden

Bagi kategori pekerjaan responden, terdapat 4 kategori yang dipilih oleh penyelidik iaitu kerajaan, swasta, pelajar dan bekerja sendiri. Responden yang bekerja dalam sektor kerajaan ialah seramai 99 orang atau 10.9 peratus manakala, sektor swasta 12 orang atau 1.3 peratus, responden kategori pelajar seramai 790 orang atau 86.7 peratus dan responden yang bekerja sendiri hanya 10 orang mewakili 1.1 peratus. Jadual 7. di bawah menunjukkan kategori pekerjaan responden.

Jadual 7. Taburan responden mengikut pekerjaan

Pekerjaan	Frekuensi	Peratus	Peratus Terkumpul
Kerajaan	99	10.9	10.9
Swasta	12	1.3	12.2
Pelajar	790	86.7	98.9
Sendiri	10	1.1	100
Jumlah	911	100	



Rajah 7. Carta pai taburan responden mengikut pekerjaan

Analisa Kajian

Terdapat empat faktor demografi yang analisisakan iaitu Jantina, Bangsa, Tahap Pendidikan, Kawasan Kediaman dan daripada kesemua soalan, tiga soalan telah terpilih untuk dianalisa dan diteliti bagi menguji tahap semangat patriotisme belia di Perak. Hal ini kerana pemilihan soalan-soalan untuk dianalisa ini dipilih mengikut hasil keputusan yang memberangsangkan dan lebih dominan untuk dianalisa. Keputusan analisis yang telah di kaji terdapat seperti di bawah:


Hubungkait faktor demografi dengan soalan berkaitan semangat patriotisme

- a. Perhubungan di antara faktor-faktor demografi (Jantina, Bangsa, Tahap Pendidikan, Kawasan Kediaman) dengan soalan berkaitan semangat patriotisme.


Antara soalan yang diuji oleh penyelidik ialah soalan B1 (*Saya lebih mementingkan tugas berkaitan dengan diri saya berbanding tugas terhadap negara*) yang ditunjukkan dalam analisis di bawah (Jadual 8.).

Jadual 8. Frekuensi keseluruhan responden bagi soalan B1 (*Saya lebih mementingkan tugas berkaitan dengan diri saya berbanding tugas terhadap negara*)


	Frekuensi	Peratus
Sangat tidak setuju	137	15.0
Tidak setuju	445	48.8
Bersetuju	275	30.2
Sangat bersetuju	54	5.9
Jumlah	911	100.0




Rajah 8. Carta pai keseluruhan responden bagi soalan *Saya lebih mementingkan tugas berkaitan dengan diri saya berbanding tugas terhadap negara*




Rajah 9. Hubungkait antara faktor jantina bagi soalan Saya lebih mementingkan tugas berkaitan dengan diri saya berbanding tugas terhadap negara



Rajah 10. Hubungkait faktor bangsa bagi soalan Saya lebih mementingkan tugas berkaitan dengan diri saya berbanding tugas terhadap negara



Rajah 11. Hubungkait antara faktor tahap pendidikan bagi soalan Saya lebih mementingkan tugas berkaitan dengan diri saya berbanding tugas terhadap negara



Rajah 12. *Hubungkait faktor kawasan kediaman bagi soalan Saya lebih mementingkan tugas berkaitan dengan diri saya berbanding tugas terhadap negara*

Analisis menunjukkan frekuensi keseluruhan responden yang menjawab kenyataan: *saya lebih mementingkan tugas berkaitan dengan diri saya berbanding tugas terhadap Negara*. Berdasarkan soalan tersebut, responden yang memberi jawapan “sangat tidak setuju” dengan berjumlah 15%, manakala “tidak setuju” ialah 49%. 30% responden telah menjawab “bersetuju” manakala selebihnya “sangat bersetuju”. Jika dilihat pada Jadual, 445 orang menjawab “tidak setuju” daripada keseluruhan 911 orang responden dengan kenyataan tersebut. Hanya 54 orang responden memberi jawapan “sangat bersetuju” dengan situasi tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa semangat patriotisme responden terhadap negara Malaysia adalah sangat baik melalui soalan B1.

Berdasarkan analisis, hanya 22 orang responden lelaki dan 32 orang responden perempuan yang menjawab “sangat bersetuju” manakala 69 orang responden lelaki dan 68 responden perempuan menjawab “sangat tidak bersetuju”. Responden yang “tidak bersetuju” dengan kenyataan tersebut terdiri daripada 280 orang perempuan dan 165 orang lelaki, 180 orang responden perempuan dan 95 orang responden lelaki yang “bersetuju” dengan kenyataan di atas. Oleh itu, semangat patriotisme responden perempuan lebih menyerlah melalui soalan B1 berbanding responden lelaki.

Bagi soalan B1, responden yang berbangsa Melayu seramai 132 orang yang menjawab “sangat tidak setuju”, seramai 415 orang yang menjawab “tidak setuju”, seramai 252 orang yang menjawab “bersetuju” dan seramai 50 orang yang menjawab “sangat bersetuju”. Responden yang berbangsa Cina pula, hanya 3 orang yang menjawab “sangat tidak setuju”, 16 orang yang menjawab “tidak setuju”, 11 orang yang menjawab “bersetuju” dan hanya 2 orang yang menjawab “sangat bersetuju”. Responden yang berbangsa India hanya 2 orang yang menjawab sangat tidak setuju, 7 orang yang menjawab “tidak setuju”, seramai 10 orang yang menjawab “bersetuju” dan hanya 2 orang yang menjawab “sangat bersetuju”. Responden yang lain-lain bangsa tiada responden yang menjawab “sangat tidak setuju”, 7 orang yang menjawab “tidak setuju”, hanya 2 orang yang menjawab “bersetuju” dan tiada responden yang menjawab “sangat bersetuju”.

Berdasarkan analisis, responden yang memberikan jawapan “tidak bersetuju” paling tinggi terhadap kenyataan di atas terdiri daripada mereka yang berpendidikan SPM iaitu seramai 228 orang. Bagi kenyataan “sangat tidak setuju”, “bersetuju” dan “sangat bersetuju” turut didahului oleh mereka yang daripada golongan yang berpendidikan SPM iaitu masing-masing sebanyak 68, 137 dan 28 orang responden. Manakala purata responden terendah mengikut tahap pendidikan didahului oleh mereka yang berpendidikan darjah enam bagi keputusan “sangat tidak bersetuju”, “tidak bersetuju” dan “sangat bersetuju” dengan masing-masing sebanyak 2 orang, seorang dan 2 orang responden. Bagi kategori SRP/PMR, seramai 12 orang menjawab “sangat tidak setuju”, 17 orang menjawab “tidak setuju”, 10 orang menjawab “bersetuju” dan 4 orang menjawab “sangat bersetuju”. Seramai 7 dan 22 orang responden yang berpendidikan STPM menjawab “sangat tidak setuju” dan “tidak setuju” manakala 15 orang dan seorang responden masing-masing menjawab “bersetuju” dan “sangat bersetuju”. Manakala bagi responden yang berpendidikan institut pengajian tinggi bermula dari tahap pensijilan, diploma, ijazah dan master seramai 5, 17, 19 dan 2 orang responden masing-masing telah menjawab “sangat tidak setuju” dengan kenyataan tersebut manakala “tidak setuju” pula seramai 21, 62, 57 dan 9 orang responden. Terdapat juga responden yang telah menjawab “bersetuju” iaitu seramai 14, 30, 43 dan 5 orang responden serta seorang, 9 orang, 8 orang dan tiada responden bagi “sangat bersetuju” untuk peringkat sijil, diploma, ijazah dan master. Jumlah responden yang berpendidikan lain-lain menjawab “sangat tidak setuju” seramai 5 orang, “tidak setuju” 28 orang, “bersetuju” 19 orang dan “sangat bersetuju”

seramai 3 orang. Melalui data, jelas tahap pendidikan seseorang individu bukan pengaruh kepada semangat patriotik dalam diri mereka.

Analisis menunjukkan bilangan responden yang menjawab “tidak setuju” mendahului jawapan yang lain iaitu seramai 116 orang responden yang berasal daripada kawasan bandar, 90 orang responden luar bandar, 124 orang responden dari kawasan kampung, 89 orang dari kawasan taman perumahan, 4 orang daripada kawasan flat/apartment/kondominium, 12 orang responden daripada kawasan asrama dan 10 orang responden daripada kawasan kuarter. Daripada tujuh kawasan kediaman iaitu bandar, luar bandar, kampung, taman perumahan, flat/apartment/kondominium, asrama dan kuarter masing-masing terdapat 35, 26, 28, 30, 3, 11 dan 4 orang responden telah menjawab “sangat tidak setuju”. Responden yang menjawab “bersetuju” seramai 74, 62, 69, 51, 4, 11 dan 4 orang masing-masing berasal daripada kawasan kediaman bandar, luar bandar, kampung, taman perumahan, flat/apartment/kondominium, asrama dan kuarter. Jumlah responden yang menjawab “sangat bersetuju” paling rendah iaitu seramai 16, 11, 15, 9, 1 orang, 1 orang dan seorang responden masing-masing dari kawasan kediaman bandar, luar bandar, kampung, taman perumahan, flat/apartment/kondominium, asrama dan kuarter. Melalui keputusan analisis ini, jelas terbukti semangat patriotik responden dengan menjawab “tidak bersetuju” terhadap kenyataan tersebut walaupun mereka berasal daripada kawasan kediaman yang berbeza.

b. Perhubungan di antara faktor-faktor demografi (Jantina, Bangsa, Tahap Pendidikan, Kawasan Kediaman) dengan soalan berkaitan semangat patriotisme.


Antara soalan yang diuji oleh penyelidik ialah soalan B2 (*Saya berasa gembira jika dipilih untuk menyertai PLKN*) yang ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9. Frekuensi keseluruhan responden bagi soalan B2 (Saya berasa gembira jika dipilih untuk menyertai PLKN)


	Frekuensi	Peratus
Sangat tidak setuju	105	11.5
Tidak setuju	212	23.3
Bersetuju	414	45.4
Sangat bersetuju	180	19.8
Total	911	100.0




Rajah 13. Carta pai keseluruhan responden bagi soalan *Saya berasa gembira jika dipilih untuk menyertai PLKN*




Rajah 14. Hubungkait faktor jantina terhadap soalan Saya berasa gembira jika dipilih untuk menyertai PLKN



Rajah 15. Hubungkait faktor bangsa bagi soalan Saya berasa gembira jika dipilih untuk menyertai PLKN



Rajah 16. Hubungkait faktor tahap pendidikan bagi soalan Saya berasa gembira jika dipilih untuk menyertai PLKN



Rajah 17. Hubungkait faktor kawasan kediaman bagi soalan Saya berasa gembira jika dipilih untuk menyertai PLKN

Analisis menunjukkan frekuensi keseluruhan responden yang menjawab kenyataan: Saya berasa gembira, jika dipilih untuk menyertai PLKN. Berdasarkan soalan tersebut, reponden yang memberi jawapan “sangat tidak setuju” dengan berjumlah 11.5%, manakala “tidak

setuju” ialah 23.3%. 45.4% responden telah menjawab “bersetuju” manakala selebihnya “sangat bersetuju”. Jika dilihat pada Jadual, 414 orang menjawab “bersetuju” daripada keseluruhan 911 orang responden dengan kenyataan tersebut. Manakala 212 orang responden menjawab “tidak setuju” dan 180 orang responden menjawab “sangat bersetuju”. Hanya 105 orang responden memberi jawapan “sangat tidak setuju” dengan situasi tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa semangat patriotisme dikalangan responden terhadap negara Malaysia adalah sangat baik melalui soalan B2.

Berdasarkan analisis, hanya 60 orang responden lelaki dan 120 orang responden perempuan yang menjawab “sangat bersetuju” manakala 55 orang responden lelaki dan 50 responden perempuan menjawab “sangat tidak setuju”. Responden yang “tidak setuju” dengan kenyataan tersebut terdiri daripada 113 orang perempuan dan 99 orang lelaki. 277 orang responden perempuan dan 137 orang responden lelaki yang “bersetuju” dengan kenyataan diatas. Oleh itu, semangat patriotisme responden perempuan lebih menyerlah melalui soalan B2 berbanding responden lelaki.

Rajah menunjukkan hubungkait di antara faktor bangsa dengan soalan B2. Orang Melayu mendahului carta dengan angka 391 orang responden menjawab “bersetuju” dengan kenyataan: Saya berasa gembira, jika dipilih untuk menyertai PLKN, berbanding 12 orang berbangsa Cina, 8 berbangsa India dan 3 berbangsa lain-lain. Responden yang “tidak setuju” seramai 202 orang berbangsa Melayu, 3 orang berbangsa Cina, 4 orang berbangsa India dan hanya 3 orang berbangsa lain-lain. Seramai 165 orang berbangsa Melayu, 9 orang berbangsa Cina, 5 orang berbangsa India dan seorang lain-lain bangsa telah memberi jawapan “sangat bersetuju” manakala hanya 91 orang berbangsa Melayu, 8 orang berbangsa Cina, 4 orang berbangsa India dan 2 orang berbangsa lain-lain menjawab “sangat tidak setuju”.

Berdasarkan analisis, responden yang memberikan jawapan “bersetuju” paling tinggi terhadap kenyataan di atas terdiri daripada mereka yang berpendidikan SPM iaitu seramai 205 orang. Bagi kenyataan “sangat tidak setuju”, “tidak setuju” dan “sangat bersetuju” turut didahului oleh mereka yang daripada golongan yang berpendidikan SPM iaitu masing-masing sebanyak 53, 115 dan 88 orang responden. Manakala purata responden terendah mengikut tahap pendidikan didahului oleh mereka yang berpendidikan darjah enam bagi keputusan “tidak setuju”, “bersetuju” dan “sangat bersetuju” dengan masing-masing seorang, 3 orang

dan 1 orang responden serta tiada responden untuk pilihan jawapan “sangat tidak setuju”. Bagi kategori SRP/PMR, seramai 14 orang menjawab “sangat tidak setuju”, 10 orang menjawab “tidak setuju”, 13 orang menjawab “bersetuju” dan 6 orang menjawab “sangat bersetuju”. Seramai 4 dan 10 orang responden yang berpendidikan STPM menjawab “sangat tidak setuju” dan “tidak setuju” manakala 20 orang dan 11 orang responden masing-masing menjawab “bersetuju” dan “sangat bersetuju”. Manakala bagi responden yang berpendidikan institut pengajian tinggi bermula dari tahap pensijilan, diploma, ijazah dan master, seramai 3, 10, 12 dan 2 orang responden masing-masing telah menjawab “sangat tidak setuju” dengan kenyataan tersebut manakala “tidak setuju” pula masing-masing seramai 11 orang, 30 orang, 20 orang dan 1 orang responden. Terdapat juga responden yang telah menjawab “bersetuju” iaitu seramai 20, 54, 66 dan 10 orang responden serta 7, 24, 29 dan 3 orang responden bagi “sangat bersetuju” masing-masing bagi peringkat sijil, diploma, ijazah dan master. Jumlah responden yang berpendidikan lain-lain menjawab “sangat tidak setuju” seramai 7 orang, “tidak setuju” 14 orang, “bersetuju” 23 orang dan “sangat bersetuju” seramai 11 orang.

Analisis menunjukkan bilangan responden yang menjawab “bersetuju” mendahului lima daripada tujuh pilihan jawapan yang lain iaitu seramai 114 orang responden yang berasal daripada kawasan bandar, 75 orang responden luar bandar, 111 orang responden dari kawasan kampung, 88 orang responden dari kawasan taman perumahan, dan 11 orang responden daripada kawasan kuarter, manakala hanya 12 orang responden daripada kawasan asrama. Purata 3 orang responden daripada kawasan flat/apartment/kondominium telah menjawab “sangat tidak setuju”, “tidak setuju”, “bersetuju” dan “sangat bersetuju”. Daripada lima kawasan kediaman iaitu bandar, luar bandar, kampung, taman perumahan dan asrama masing-masing terdapat 24, 24, 27, 23 dan 4 orang responden telah menjawab “sangat tidak setuju” serta tiada seorang pon daripada kuarter yang menjawab “sangat tidak setuju”. Responden yang menjawab “tidak setuju” seramai 52, 55, 47, 38, 13 dan 4 orang masing-masing berasal daripada kawasan kediaman bandar, luar bandar, kampung, taman perumahan, asrama dan kuarter. Jumlah responden yang menjawab “sangat bersetuju” iaitu seramai 51, 35, 51, 30, 6 dan 4 orang responden masing-masing dari kawasan kediaman bandar, luar bandar, kampung, taman perumahan, asrama dan kuarter. Melalui keputusan analisis ini, jelas terbukti semangat patriotik responden dengan menjawab “bersetuju” terhadap kenyataan tersebut walaupun mereka berasal daripada kawasan kediaman yang berbeza.

- c. Perhubungan di antara faktor-faktor demografi (Jantina, Bangsa, Tahap Pendidikan, Kawasan Kediaman) dengan soalan berkaitan semangat patriotisme.


Antara soalan yang diuji oleh penyelidik ialah soalan B3 (*Jika diberi peluang saya mahu bekerja dengan agensi kerajaan*) yang ditunjukkan dalam Jadual 10.

Jadual 10. Frekuensi keseluruhan responden bagi soalan B3 (Jika diberi peluang saya mahu bekerja dengan agensi kerajaan)


	Frekuensi	Peratus
Sangat tidak setuju	10	1.1
Tidak setuju	29	3.2
Bersetuju	317	34.8
Sangat bersetuju	555	60.9
Total	911	100.0




Rajah 18. Carta pai keseluruhan responden bagi soalan *Jika diberi peluang saya mahu bekerja dengan agensi kerajaan*



Rajah 19. Hubungkait faktor jantina bagi soalan Jika diberi peluang saya mahu bekerja dengan agensi kerajaan



Rajah 20. Hubungkait faktor bangsa bagi soalan Jika diberi peluang saya mahu bekerja dengan agensi kerajaan



Rajah 21. Hubungkait faktor tahap pendidikan bagi soalan Jika diberi peluang saya mahu bekerja dengan agensi kerajaan



Rajah 22. Hubungkait faktor kawasan kediaman bagi soalan Jika diberi peluang saya mahu bekerja dengan agensi kerajaan

Jadual 10. menunjukkan peratusan bagi keseluruhan soalan B3. Berdasarkan analisis dari jadual tersebut didapati skor jawapan sangat bersetuju adalah lebih tinggi iaitu 61%, diikuti dengan jawapan bersetuju adalah sebanyak 35%. Hanya peratusan yang kecil bagi jawapan

sangat tidak bersetuju iaitu 1%. Keseluruhan dapatan mendapati responden memberikan jawapan sangat bersetuju untuk bekerja dengan agensi kerajaan jika diberi peluang.

Graf bar dalam Rajah 19. di atas menunjukkan hubungan faktor jantina dengan Soalan B3. Hasil analisis mendapati bahawa responden perempuan sangat berminat untuk bekerja di agensi kerajaan jika diberi peluang berbanding dengan responden lelaki. Ini jelas dalam jadual ini menunjukkan bilangan responden perempuan iaitu 345 orang memilih jawapan “sangat bersetuju” berbanding dengan responden lelaki iaitu 210 orang. Manakala bagi jawapan “bersetuju” pula didapati seramai 195 responden perempuan memilihnya berbanding responden lelaki sebanyak 122 orang. Hanya sebilangan kecil responden iaitu 7 lelaki dan 3 perempuan memilih jawapan “sangat tidak bersetuju”. Walaubagaimanapun, seramai 17 responden perempuan dan 12 responden lelaki “tidak bersetuju” terhadap soalan B3.

Seterusnya, Rajah 20. pula menunjukkan hubungan faktor bangsa terhadap soalan B3. Berdasarkan analisis tersebut didapati responden bangsa Melayu mempunyai keinginan yang tinggi untuk bekerja dengan agensi kerajaan. Mereka telah memilih jawapan “sangat bersetuju” iaitu seramai 527 orang dan 287 orang pula memilih jawapan “bersetuju” terhadap soalan B3. Manakala, bangsa Cina iaitu seramai 13 orang memberikan pilihan jawapan “sangat bersetuju” diikuti 14 orang bangsa India dan hanya seorang dari lain-lain bangsa.

Analisis dari Rajah 21. menunjukkan hubungan faktor tahap pendidikan terhadap soalan B3. Majoriti responden yang berpendidikan SPM memilih pilihan jawapan “sangat bersetuju” iaitu seramai 301 orang berbanding 81 orang responden berpendidikan Ijazah, 69 orang responden berpendidikan Diploma, 26 orang responden berpendidikan STPM, 25 orang responden berpendidikan lain-lain, 21 orang responden berpendidikan Sijil, 17 orang responden berpendidikan SRP/PMR, 12 orang responden berpendidikan Master dan 3 orang responden berpendidikan Darjah enam. Manakala bagi pilihan jawapan “bersetuju” skor masih lagi tinggi dikalangan responden berpendidikan SPM iaitu 143 orang berbanding 45 orang responden berpendidikan Diploma, 40 orang responden berpendidikan Ijazah, 27 orang responden berpendidikan lain-lain, 20 orang responden berpendidikan SRP/PMR, 19 orang responden berpendidikan Sijil, 17 orang responden berpendidikan STPM, 4 orang responden berpendidikan Master dan 2 orang responden berpendidikan Darjah enam. Walaubagaimanapun, bilangan responden yang menyatakan “sangat tidak setuju” amat

rendah iaitu hanya 4 orang responden berpendidikan SPM, 2 orang responden berpendidikan SRP/PMR dan Ijazah serta hanya seorang mewakili responden berpendidikan Diploma dan lain-lain. Keseluruhannya, responden yang berpendidikan SPM dan ke atas mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk berkhidmat dengan kerajaan jika sekiranya diberi dan ditawarkan pekerjaan.

Hubungan faktor kawasan kediaman terhadap soalan B3 dapat dilihat dalam Rajah 22 tersebut. Berdasarkan analisis, responden yang tinggal di kawasan kampung paling tinggi memilih jawapan “sangat bersetuju” iaitu seramai 148 orang responden, diikuti 144 orang responden kawasan bandar, 112 responden kawasan taman perumahan, 108 responden kawasan luar bandar. Manakala sebilangan kecil pula iaitu 23 orang responden mewakili asrama, 13 orang responden kawasan kuarter dan 7 orang responden kawasan flat/apartment/kondominium. Analisis juga menunjukkan responden daripada kawasan bandar memilih jawapan “bersetuju” iaitu 85 orang lebih tinggi berbanding dengan responden kawasan kampung sebanyak 81 orang, responden luar bandar sebanyak 69 orang diikuti seramai 60 orang responden kawasan taman perumahan, seramai 11 orang responden asrama, 6 orang responden kediaman kuarter dan 5 orang responden kediaman flat/apartment/kondominium. Bagi pilihan jawapan “tidak bersetuju” dan “sangat tidak setuju” pula menunjukkan skor yg sangat rendah dan kecil. Hasil dapatan mendapati responden dari kawasan kediaman kampung, bandar dan luar bandar mempunyai keinginan yang tinggi untuk bekerja dengan agensi kerajaan.

Jika dilihat dari keputusan analisis kajian, dapat disimpulkan bahawa tahap semangat patriotisme dalam kalangan belia di negeri Perak adalah memuaskan. Namun begitu, jikalau perihal ini diambil ringan, mungkin belia kita akan makin kurang untuk mendalami serta memahami akan erti semangat patriotisme.

Kesimpulan

Agenda patriotisme perlu disemarakkan di kalangan rakyat Malaysia dan bukan hanya bermusim. Sebagai sebuah negara berbilang bangsa, tanggungjawab mempertahankan negara perlu dipikul oleh semua rakyat. Semangat patriotisme perlu dihayati kerana ia adalah teras kepada pertahanan negara. Oleh itu, perlu disuburkan kembali jiwa patriotik yang semakin ketandusan. Dengan nikmat kemerdekaan yang dikecapi kini, negara perlu bergerak maju dan pada masa yang sama menghapuskan saki-baki penjajah yang masih lagi bersarang dalam jiwa masyarakat. Semoga negara dan bangsa Malaysia akan terus maju dengan semangat patriotisme sejati.

Konklusinya, kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang berkaitan memandangkan hasil kajian yang diperolehi menunjukkan satu tindakan yang bersungguh-sungguh mesti dilakukan untuk meningkatkan kesedaran patriotisme dalam kalangan belia. Di samping itu juga, penyelidik berharap kajian pada masa akan datang dapat dilakukan secara lebih menyeluruh dengan melihat daripada pelbagai sudut agar kajian berkenaan lebih tepat dengan matlamat yang hendak dicapai dari segi pemupukan semangat patriotisme dalam kalangan belia.

Rujukan

- Abdul Rahim A. R., (1999). *Belia Ketandusan Semangat Perjuangan*, Dewan Budaya.
- Azimi, H., & Zanariah M. N. (2007). *Kesediaan Belia Sebagai Tunggak Negara Maju*. Laporan Penyelidikan, Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional, Universiti Putra Malaysia.
- Azizan, B. (1995). *Pergerakan Belia: Persoalan Dan Cabaran*. Institut Kajian Dasar, Kuala Lumpur.
- Baharom, M., & Mohamad, J. S. (2009). *Kecemerlangan Modal Insan*. Prosiding “Seminar Pembangunan Modal Insan 2009”. Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan, 23 – 24 Mac.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2010). *Belia*. Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Dipetik daripada www.ippbm.gov.my. (Julai 2014).
- Portal Rasmi Jabatan Kerja Raya Perak Tengah. (2014). *Peta Daerah Perak*. Dipetik daripada <http://pkt.jkrperak.gov.my/Web/Page/Home.aspx>. (4 Julai 2014).
- Portal Majlis Gabungan Belia Melaka. (2012). *Belia Aset Utama Pembangunan Negara*. Dipetik daripada <http://www.mgbm.org.my/2012/aluanPresiden.php>. (8 Julai 2014).
- Portal Rasmi Kementerian Belia Dan Sukan. (2014) *Dasar Pembangunan Belia*. Dipetik daripada <http://www.kbs.gov.my/dokumen2011/belia/Dasar%20Pembangunan%20Belia%20Negara.pdf>. (3 Julai 2014)
- Portal Rasmi Kementrian Belia Dan Sukan. (2014). *Teks ucapan Y.B. Dato” Ismail Sabri Yaakob Menteri Belia Dan Sukan Malaysia sempena Majlis Pelancaran Hari dan Minggu Belia Negara 2008*. Dipetik daripada <http://www.kbs.gov.my/index.php/my/capaianprogram/festival-belia-putrajaya-2014/106-informasi-umum/289-majlis-pelancaran-haridan-minggu-belia-negara-2008>. (6 Julai 2014).
- Mohd Majid, K. (1990). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur.
- Nur Fatimah, A. B. (2009). *Budaya Kerja Dan Kaitannya Dengan Profesionalisme Pengamal Kerja Belia*. (Master Sains) Universiti Putra Malaysia.

Rancangan Malaysia Ketujuh. (1996-2000). *Bab 21: Belia Dalam Pembangunan*. Dipetik daripada

<http://www3.pmo.gov.my/rancanganweb/rancangan1.nsf/e2eb45b5229534fe4825673100031def/33e65a5bf59e4b40482570a70030c225?OpenDocument>. (9 Julai 2014).

Saifuddin A. (2002). *Patriotisme Alaf Baru*. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara. Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia. Bangi, 22 - 28 Oktober.